

UKM, UDE terus bekerjasama tawar program dwiijazah

info

Oleh **Basir Zahrom**
basir_zahrom@bh.com.my

► **Bangi**

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) komited meneruskan inisiatif memperkukuh namanya di persada antarabangsa, termasuk melalui kerjasama dengan Universitat Duisburg Essen (UDE), Jerman, yang terjalin sejak 16 tahun lalu.

Dekan Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB) UKM, Prof Datuk Ir Dr Abdul Wahab Mohammad, berkata kerjasama itu menyaksikan sejak 2004 hingga 2015, 144 pelajar UKM berjaya menamatkan pengajian dwiijazah di UDE membabitkan bidang kejuruteraan elektrik dan elektronik, kejuruteraan awam serta kejuruteraan mekanikal.

Sambil menjelaskan 15 pelajar lagi mengikuti pengajian ijazah berkembar di UDE tahun lalu, beliau berkata, program itu membabitkan kerjasama Malaysia, Jerman dan Indonesia dengan satu bengkel pernah diadakan di UKM pada 2000 untuk menentukan pengisiannya.

Diiktiraf antarabangsa
"Menerusi program ini, pelajar mengikuti pengajian tiga tahun di UKM, termasuk mempelajari bahasa Jerman di Pejabat Mercator. Mereka



Prof Abdul Wahab

kemudian berlepas ke UDE selama setahun untuk pembelajaran membabitkan subjek yang setara dengan silibus UKM.

"Kebanyakan mereka mendapat tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), MARA, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan swasta. Kami juga mengalu-alukan mana-mana syarikat lain yang ingin menaja pelajar untuk mengikuti program UKM-UDE ini," katanya ketika ditemui di sini.

Pertukaran pelajar
Sementara itu Koordinator Program UKM-UDE, Dr Mohd Fais Mansor, berkata antara kelebihan diperoleh pelajar terbabit ialah menerima dua ijazah diiktiraf pada peringkat antarabangsa, terutama di Eropah, yang akan memudahkan mereka menyambung pengajian dan bekerja di Jerman. Beliau berkata, keistimewaan lain mengikuti pengajian di Jerman ialah



Dr Mohd Fais Mansor

yurannya percuma dan pelajar hanya perlu menampung kos sara hidup serta visa.

"Kami memaklumkan mengenai program ini kepada pelajar dari tahun pertama lagi supaya mereka boleh menanam azam dan merancang untuk mendapatkan dana ke UDE.

"Pelajar terbabit perlu menghadiri ujian saringan, selain mampu menguasai bahasa Jerman, memiliki asas kukuh dalam pemahaman subjek dan pengetahuan kejuruteraan, serta boleh mengadaptasi budaya kerja masyarakat di negara itu.

"Penuntut UDE menyertai pertukaran pelajar di UKM yang diadakan sejak 2003 pula diberikan beberapa tugas dan pendedahan budaya tempatan menerusi program keluarga angkat seperti pernah dijalankan di Gua Musang, Kelantan, selama tiga hari pada 2015," katanya.



Dr Mohd Fais menunjukkan risalah program kerjasama UKM-UDE.



Prof Abdul Wahab (kiri) dan **Dr Mohd Fais (kanan)** bersama penuntut UDE, Gioshi K yang menyertai program pertukaran pelajar di UKM.

Program UKM-UDE
→ **Seramai** 150 penuntut UDE sudah terbabit dalam program pertukaran pelajar di UKM
→ **Anggaran** RM60,000 dana diperlukan seorang pelajar untuk mengikuti pengajian ijazah berkembar terbabit
→ **Pejabat** Mercator yang ditubuhkan pada 2002 adalah milik bersama UKM-UDE dengan diketuai Pengarah, Prof Dr Ing Axel Hunger dari UDE. Pejabat ini berperanan menguruskan pelajar tempatan yang ingin mengikuti pengajian di UDE
→ **Pelajar** memperoleh dua ijazah daripada UKM dan UDE apabila menamatkan pengajian
→ **Profesor** dari UKM boleh mengajar tiga subjek di UDE, iaitu mengenai bidang kepakaran mereka, rekaan dan kebudayaan, serta kejuruteraan Islam
→ **Dwiijazah** doktor falsafah (PromISE) diperkenalkan pada 2010